



# **MAT KILAU**

**Pahlawan Muda  
Pulau Tawar**

**Haris Fadillah**

**Pustaka Bakti Wira**

**PUSTAKA BAKTI WIRA**  
**3 B - 5 FLAT UDA,**  
**JALAN PANTAI BARU,**  
**59100 KUALA LUMPUR.**

© Pustaka Bakti Wira  
Cetakan Pertama ..... 1996

**AMARAN ATAS HAKCIPTA**

Semua hak terpelihara. Sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula atau dipindahkan dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara, baik dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran ataupun sebaliknya tanpa izin yang bertulis terlebih dahulu daripada pihak penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Haris Fadillah

Mat Kilau : pahlawan muda Pulau Tawar / Haris Fadillah.

(Siri tokoh-tokoh negara)

ISBN 983-827-099-7 (set)

ISBN 983-827-102-0

1. Mat Kilau. 2. Heroes--Pahang--Biography. I. Judul. II. Siri.  
928.09595123

Dicetak Oleh:

**Cetaktama Sdn. Berhad,**

B4-09 (4th Floor) K.L.,

Industrial Park, #653, 5th Mile Klang Road,

58200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 7923122 / 7915443.

**882809**

M

10 SEP 1997  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## KANDUNGAN

### *Muka Surat*

1. Awal Tahun 1866	1
2. Seminggu Kemudian	<del>6</del>
3. Akhir Bulan April 1888	<del>11</del>
4. 23 Jun 1888	<del>17</del>
5. 15 Disember 1891	<del>23</del>
6. 5 April 1892	<del>27</del>
7. Melancarkan Serangan Menentang Penjajah	<del>35</del>
8. Akhir Oktober 1892	40
9. 26 Disember 1969 Epilog Seorang Pahlawan Muda	<del>46</del>



# AWAL TAHUN 1866

KAMPONG PULAU TAWAR dicengkam kedamaian. Penduduknya melakukan aktiviti seharian tanpa gangguan. Ada yang turun ke sawah dan ada yang turun ke sungai untuk menjala ikan. Ada juga yang ke hutan untuk mencari damar dan gaharu serta hasil hutan yang lain. Kaum wanita yang tidak bekerja pula mengasuh anak-anak di rumah.

Air Sungai Pahang mengalir tenang, setenang dan sedamai penduduk Pulau Tawar yang hidup bermasyarakat. Bantu-membantu antara satu dengan lain menjadi amalan mereka. Hati kuman sama dicecah, hati gajah sama dilapah. Begitulah sikap penduduk Pulau Tawar.

Inilah salah satu cara kepimpinan Tok Gajah, seorang pembesar Pahang yang mentadbir Pulau Tawar. Tok Gajah mahu anak-anak buahnya bersatu dalam semua tindakan. Amalan begitu bukan sahaja dapat menentang musuh malah dapat membangunkan kampung halaman.

Setelah dilantik oleh Bendahara Wan Ahmad mentadbir Pulau Tawar pada tahun 1863, Tok Gajah

menjalankan tugasnya dengan begitu adil. Setiap arahan dan hukuman dilakukan dengan teliti. Tok Gajah tidak mahu anak buahnya tersinggung.

"Aku tidak mahu semua penduduk di sini kecoh. Kita mesti bersatu padu dan bekerja keras untuk membangunkan desa kita. Ke bawah Duli Tuanku mahu kita hidup berbaik-baik dan tolong-menolong," seru Tok Gajah yang memakai gelaran Imam Perang Rasu.

"Baiklah, Imam...!" sahut orang ramai yang membanjiri balai raya Pulau Tawar pada suatu petang.

Ketenteraman Pulau Tawar di bawah pentadbiran Tok Gajah terkenal ke seluruh pelosok negeri Pahang. Bermula dari Kuala Lipis, Benta, Budu, Temerloh, Chenor, hinggalah ke Pekan, nama Pulau Tawar mengharum di bibir orang ramai.

Banyak peniaga singgah di Pulau Tawar untuk berniaga barang-barang dagangan. Pangkalan Kampong Kedondong sibuk sepanjang masa. Perahu dan sampan yang sarat dengan barang-barang perniagaan sentiasa singgah di pangkalan itu. Riu-rendah suara orang ramai memungkah barang-barang di pangkalan tersebut.

Air Sungai Pahang mengalir tenang. Arus sungai itu tetap setia menghanyutkan sampan dan perahu di permukaannya. Deburan air beriak-riak ke tebing mengkhabarkan kedamaian.

Sungai Pahang banyak menyimpan khazanah hidupan yang menjadi sumber rezeki penduduk Pulau Tawar. Sekali jaring dilabuhkan, sudah tentu tersandung ikan-ikan. Sekali mata kail yang bersalut umpan dilontarkan ke dalam air, sudah tentu tidak berapa minit kemudian akan beroleh hasilnya.

Ikan jelawat, toman, baung, hinggalah sekecil anak bada memang menjadi sumber makanan seharian penduduk Pulau Tawar.

Manakala kawasan pasar di pangkalan Kampong Kedondong penuh sesak dengan orang ramai tawar-menawar harga barangan. Setengah-setengah peniaga dan pembeli bertukar barangan antara ikan-ikan sungai dengan keperluan lain.

Begitulah makmurnya kehidupan di Pulau Tawar. Perniagaan rancak dijalankan tanpa diganggu gugat oleh mana-mana pihak yang tidak bertanggung jawab. Bermula dari subuh menjelma hinggalah ke malam, suasana tenteram menyelubungi Pulau Tawar.

Api pelita meliuk-liuk dihembus angin malam. Sinar bulan agak kabur menyulahi sekitar Pulau Tawar. Manakala bintang-bintang bertaburan di dada langit. Suasana malam dingin dan nyaman.

Tok Gajah menyandarkan tubuhnya pada tiang merbau di ruang tengah rumahnya. Dia mengunyah sepiak pinang, manakala dua batang jarinya mengepit rokok daun nipah yang masih berasap. Tok Gajah melepaskan lelahnya.

Sebentar tadi, dia mengetuai majlis bacaan yasin dan tahlil di surau Kampong Kedondong. Banyak anak buahnya yang hadir untuk membaca yasin dan bertahlil bersedekah kepada mereka yang terlebih dahulu disayangi Allah. Tok Gajah serta anak-anak buahnya juga memohon agar Allah memurahkan rezeki, aman damai, serta jauh daripada sebarang bahaya yang menimpa bumi Pulau Tawar.

Teh Mehada menghampiri suaminya. Teh Mehada mengengsot-engsot badan perlahan-lahan untuk membetulkan duduknya. Kandungannya sudah sarat dan memboyot. Kandungannya sudah mencecah waktu kelahiran. Bila-bila masa sahaja Teh Mehada akan melahirkan anak sulungnya.



“Bila Imam nak menghilir ke Pekan untuk menghadap Duli Tuanku?” soal Teh Mehada dengan lembut.

“Kira-kira sepurnama lagi. Selepas kau bersalin.”

“Baguslah begitu. Tidaklah Teh susah hati sangat. Anak kita bila-bila masa saja akan lahir. Pagi tadi Ngah Mariam sudah membetulkan kedudukan bayi dalam perut Teh,” ujar Teh Mehada sambil mengusap perutnya.

“Selain itu, apa kata Ngah lagi?”

“Ngah kata anak kita sihat. Ngah pesan pada Imam supaya jangan ke mana-mana dalam tempoh dua minggu ini. Dia kluatir anak kita akan lahir,” ujar Teh Mehada agak kebimbangan.

“Aku faham. Teh tidak perlu bimbang. Aku amat gembira menyambut kelahiran anak pertama,” ujar Tok Gajah. Mukanya bercahaya kerana terlalu gembira.

“Apakah nama yang sesuai untuk bayi itu nanti?”

“Aku belum fikirkan lagi. Tapi nama bayi nanti mestilah nama yang baik-baik. Apabila besar kelak, dia akan menjadi orang yang termashyur di negeri ini,” ujar Imam Perang Rasu dengan bangga.

“Kita mesti beri pendidikan dunia dan akhirat secukupnya,” kata Teh Mehada.

Memang betul kata kau, Teh. Ilmu dan perjuangan sahaja yang dapat memashyurkan seseorang itu. Itulah wawasan aku terhadap anak kita.”

Tok Gajah menatap wajah Teh Mehada. Rona mata isterinya sudah menggambarkan bagaimana penderitaan Teh Mehada sewaktu mengandung anak sulungnya. Namun di sudut hati Teh Mehada tertanam perasaan gembira yang sukar digambarkan.

Teh Mehada meninggalkan suaminya yang masih memikirkan sesuatu. Sebagai pemimpin Pulau Tawar,

barangkali ada perkara mustahak yang bermain di benak Tok Gajah. Teh Mehada tidak mahu mengganggu suaminya lagi.

Malam semakin menjauh. Bunyi cengkerik kedengaran membingit gegendang telinga. Suara burung hantu bersahut-sahutan di puncak Tualang. Sinar bulan terus bercambah pada waktu malam di Pulau Tawar. Sekali-sekala angin dingin menembusi celah-celah dinding buluh rumah limas itu.

Tok Gajah masih tidak bergerak. Matanya tertumpu pada api pelita. Dia memikirkan sesuatu untuk perjalanan hari esok.

## SEMINGGU KEMUDIAN

365

SUARA tangisan bayi memecah kesunyian pagi. Sebentar tadi alunan azan sudah pun bergema menyedarkan penduduk Pulau Tawar. Teh Mehada telah melahirkan anak sulungnya. Ngah Marian menyambutnya lalu memotong tali pusat bayi itu. Seperti lazimnya, Tok Gajah mengazankan bayi itu dengan memuji kebesaran Tuhan.

Bayi yang comel itu sangat dikagumi oleh jiran-jiran yang hadir pada waktu itu. Mereka memuji Teh Mehada berulang kali. Tok Gajah amat bangga. Bibirnya tidak henti-henti mengukir senyum.

Anak-anak buahnya di sekitar Pulau Tawar berduyun-duyun menziarahi rumahnya. Mereka hendak melihat bayi yang dikatakan comel itu.

"Bertuah sungguh, Imam!" Pak Alang Kakap memuji sambil membacakan sesuatu kepada bayi itu.

"Apa tuahnya, Pak Alang?"

"Cuba lihat ini. Anak Imam memiliki buntat embun!" ujar Pak Alang Kakap sambil membelek-belek kesan berbiji di celah jari kaki kiri bayi itu. "Bayi ini apabila besar nanti akan menjadi gagah dan terkenal!"

Tok Gajah hanya mengangguk apabila mendengar penjelasan Tok Alang Kakap. Dia tahu anaknya mempunyai keistimewaan yang dianugerahi oleh Allah. Dia amat bersyukur.

Bayi yang memiliki buntat embun itu menjadi buah mulut penduduk Pulau Tawar. Mereka amat kagum. Mereka berkali-kali memuji Tok Gajah dan Teh Mehada.

“Apakah nama yang sesuai untuk anak ini, Imam?” soal Teh Mehada sambil mendukung anaknya.

Tok Gajah merenung anaknya sambil mengelus dengan tangan pada dahi bayi itu.

“Kita namakan bayi ini nama yang baik. Semoga besar kelak akan menjadi orang yang berhemah, berbudi, dan berani,” kata Tok Gajah sambil merenung tajam ke muka Teh Mehada.

“Aku setuju. Kalau begitu, apakah nama yang akan kita berikan pada anak kita?” tanya Teh Mehada tidak sabar-sabar lagi.

“Muhammad! Aku mengambil sempena nama junjungan besar nabi kita. Teh setuju?”

“Setuju! setuju! Aku setuju benar dengan nama itu!” Teh Mehada menunjukkan rasa gembira sambil mencium anak yang dipangkunya berulang kali. “Semoga Muhammad menjadi anak yang soleh, berjasa kepada agama dan bangsa.

“Aku bercadang malam Jumaat minggu depan kita adakan majlis bercukur. Aku hendak korbankan seekor lembu dan menjemput seluruh penduduk Pulau Tawar berjamu di rumah kita,” cadang Tok Gajah dengan nada gembira.

Teh Mehada amat gembira. Ditatangnya Muhammad **bagai** minyak yang penuh. Teh Mehada berdoa semoga **Muhammad** sihat dan membesar dengan cepat.

Sementara belum pulih sepenuhnya selepas bersalin, Teh Mehada dibantu oleh Ngah Mariam dan beberapa orang jirannya yang datang bergilir-gilir menjaga Muhammad.

Setelah menjalani kehidupan yang dipagari kasih sayang oleh Tok Gajah dan Teh Mehada, kini Muhammad telah besar seperti kanak-kanak lain. Usianya sudah mencapai lima tahun. Muhammad berkawan dengan rakan-rakan sebaya dengannya.

Hasil didikan yang sempurna, perangai Muhammad amat baik dan bersopan-santun. Muhammad disayangi oleh penduduk Pulau Tawar.

Kadang-kadang Tok Gajah membawa Muhammad berjalan-jalan di sekitar pangkalan Kedondong. Muhammad melihat ayahnya berbual-bual dengan beberapa orang yang sedang memunggah barang. Muhammad tidak mengerti tentang tugas Tok Gajah. Beberapa orang yang berhampiran dengannya mencubit pipi Muhammad. Ada yang memeluk Muhammad kerana terlampau geram.

Muhammad amat disenangi oleh rakan-rakannya. Halaman rumah Tok Gajah sering menjadi tumpuan kanak-kanak. Antara teman sepermainan Muhammad ialah Sulaiman, Nong Samah, Wok Seman, Engku Muda, dan beberapa orang kanak-kanak yang lain.

Bunyi riuh-rendah hilaian ketawa rakan-rakan apabila melihat Muhammad gagal memutarakan gasingnya.

Serentak dengan itu, pecah deraian ketawa sekali lagi. Gasing yang dipangkah oleh Engku Muda tidak berputar di atas tanah.

Teh Mehada melihat dari beranda kelakuan Muhammad dan rakan-rakannya. Teh Mehada gembira melihat Muhammad kian menyerlah kematangannya antara rakan-rakan yang lain.

Pada malam itu, selepas bersembahyang maghrib, Muhammad dipanggil oleh Tok Gajah. Muhammad bergegas menghadap ayahnya.

"Mulai hari ini, aku akan mengajar Muhammad membaca al-Quran," seru Tok Gajah sambil mengusap kepala Muhammad. "Kamu juga akan aku ajar bersembahyang dan ilmu akhirat sebelum kau melangkah ke alam dewasa," sambung Tok Gajah dengan nada lembut.

Muhammad pun bersila di depan ayahnya. Dia tidak membantah malah gembira apabila mendengar penjelasan ayahnya. Muhammad mula dibimbing membaca al-Quran. Bermula dari alif, ba, ta hinggalah Muhammad dapat menguasai surah-surah al-Quran dengan lancar.

Muhammad amat tekun mendalami al-Quran. Dari sehari ke sehari, Muhammad dapat membaca al-Quran dengan lancar, bahkan suaranya merdu dan sedap didengar. Orang-orang yang mendengar Muhammad membaca al-Quran akan terpegun dengan kebolehan Muhammad.

"Bermula dari hari ini, aku akan memanggil kau dengan nama timangan Mat Kilau!" ujar Tok Gajah pada suatu malam setelah selesai sembahyang berjemaah bersama Muhammad.

"Kenapa ayah menamakan saya sedemikian?" Muhammad ingin penjelasan.

"Kerana nama ini membawa pengertian yang besar dalam hidupmu kelak!"

Muhammad masih tidak mengerti. Dia memandang Tok Gajah tepat. Menanti jawapan daripada ayahnya.

"Melalui firasat ayah, kau akan menjadi orang yang banyak menabur jasa kepada agama dan tanah air," kata Tok Gajah dengan bersemangat.

"Bagaimana ayah tahu tentang masa depan saya?"

"Ayah faham. Sejak akhir-akhir ini ayah lihat kau semakin matang dan pintar menanggapi segala ilmu yang ayah curahkan."

"Terima kasih, ayah. Tapi ilmu yang saya miliki masih belum mencukupi untuk menempuh hari mendatang," ujar Muhammad.

"Ya, kau akan ayah hantar belajar di Kelantan apabila besar nanti. Tapi...!" Tok Gajah terhenti bicara buat seketika.

"Tapi apa pula, ayah!" pintas Muhammad.

"Sebelum ke sana, kau perlu belajar ilmu persilatan sebagai bekalan di rantau orang untuk mempertahankan diri," cadang Tok Gajah.

Selepas isyak, halaman rumah Tok Gajah mula diterangi cahaya lampu pelita. Muhammad dan rakan-rakannya diajar ilmu silat. Gerak langkah, kekuda, tumbuk, tika, elak, tangkis habis didedahkan oleh Tok Gajah kepada anak-anak buahnya.

Seperti mengaji al-Quran juga, Muhammad amat tekun menghayati ilmu persilatan. Sehari demi sehari, Muhammad begitu tangkas menepis dan mengelak setiap tikaman. Begitu juga dengan buah untuk mematikan gerak lawan.

Banyak orang memuji ketangkasan Muhammad terutamanya ketika bermain senjata. Dalam usia yang begitu muda, sikap kepahlawanan mula ditunjukkan.

Kini usia Muhammad menjangkau belasan tahun. Muhammad bertekad untuk memenuhi ilmu di dada. Dia dihantar ke Kelantan untuk mengikuti pelajaran agama di sekolah pondok.

## AKHIR BULAN APRIL 1888

KAMPONG PULAU TAWAR seperti biasa agak tenang. Namun pada suatu pagi, seorang pengawal pangkalan berlari ke rumah Tok Gajah.

"Tok, ada benggali putih berhenti di pangkalan Kedondong" lapor pengawal itu.

"Berapa banyak?"

"Kira-kira 10 orang, terdiri daripada orang Sikh," lapor pengawal itu lagi.

Tok Gajah sudah maklum tentang hal itu. Minggu lepas Tok Gajah menerima surat dari Pekan. Orang British minta kuasa untuk menjajah bumi Pahang. Datuk Bahaman di Semantan pun ada memberitahunya tentang hal itu. Sahabat Tok Gajah di Ulu Jempul, Chenor, Kuala Lipis, Lubuk Terua ada juga memberitahunya.

Tok Gajah berasa tidak tenang sejak akhir-akhir ini. Berita kehadiran Clifford dan orang-orangnya amat tidak disenangi oleh Tok Gajah.

Tok Gajah lalu bergegas ke jeti.

Hugh Clifford yang diiringi oleh 10 orang soldadu Sikh sudah tercegat di atas jeti. Manakala soldadu Sikh



yang memegang senjata api berkawal mengelilingi Clifford. Pemangku Residen British yang baru berusia 29 tahun itu tersenyum tatkala memerhatikan orang ramai di pangkalan itu.

Mereka yang berada di pangkalan itu agak terpegun. Buat pertama kali dalam seumur hidup inilah kali pertama mereka menatap wajah orang British. Ada juga yang berasa takut apabila memandang senapang yang dipegang oleh soldadu Sikh.

"Hai, apa khabar orang Pulau Tawar!" tiba-tiba tercetus suara dari mulut Clifford.

Mereka yang berada di situ berpandangan. Ada juga yang berbisik-bisik sesama mereka. Masing-masing tidak berani menyapa. Handal juga orang putih ini berbahasa Melayu, getus mereka.

"Kenapa semua membisu? Jangan takut. Aku datang ke sini berniat baik," ujar Clifford sambil meninggalkan topinya. Raut wajahnya jelas terserlah dipanah cahaya matahari petang. "Mana ketua kamu Imam Perang Rasu?"

Masing-masing tidak berganjak. Mereka yang sedang berniaga, masing-masing meninggalkan kedai dan tempat berjual lalu bergegas ke pangkalan.

"Ada, Tuan Clifford. Sekejap lagi Imam akan datang," ujar salah seorang penduduk.

"Bagus, itu yang kita mahu. Aku datang ke sini hendak berunding dengan ketua kamu. Aku mahu berniaga di sini!"

Tok Gajah muncul di celah-celah orang ramai. Pandangan Tok Gajah bertembung dengan rona mata Clifford. Masing-masing membawa pengertian yang berlainan.

Sejak akhir-akhir ini ketenteraman rakyat Pahang kian tergugat. Kehadiran Inggeris benar-benar

mencabar orang Melayu Pahang. Antara mahu dan tidak mahu, Tok Gajah merapati Hugh Clifford.

"Apa khabar, Imam Perang? Aku gembira dapat bertemu dengan kau. Bagus sekali kerana kita dapat berunding!" ujar Clifford sambil menggoncang tangan dan menepuk bahu Tok Gajah.

"Ba..ba..baik, tuan," balas Tok Gajah sedikit gaman. Namun di benaknya tertanam perasaan marah. Tetapi tetamu harus dihormati. Kalau hendak ditentang barangkali tidak terdaya menangkis peluru senapang Sikh itu. Banyak darah yang akan tumpah di bumi Pulau Tawar.

"Mari singgah di rumah aku, tuan. Kita boleh berehat dan berbincang," pelawa Tok Gajah.

"Terima kasih," balas Clifford.

Keadaan di pangkalan kembali tenang. Perniagaan dan kegiatan lain disambung semula. Beberapa orang kanak-kanak mengekori rombongan itu. Mereka kehairanan dan masih belum puas menatap wajah orang British dan soldadu Sikh itu.

Suasana malam amat kelam. Cahaya api pelita dari setiap rumah di Kapong Pulau Tawar kelihatan kecil melalui celah dinding. Terdengar juga suara tangisan anak kecil dan suara orang-orang dewasa memecah kesunyian malam. Malam masih terlalu awal. Penghuninya belum masuk tidur.

Sebentar tadi, azan isyak sudah berkumandang dari surau Kedondong. Tok Gajah mengepalai anak-anak buahnya bersembahyang isyak. Mereka berzikir dan berdoa. Mereka minta Allah menerangi jalan bagi mereka menghadapi musuh.

Sebentar lagi, Tok Gajah dan anak-anak buahnya akan berhadapan dengan Clifford. Setiap inci bumi Pulau Tawar yang subur ini perlu dipertahankan.

Setiap pujukan pihak Inggeris wajar ditimbang dengan hati-hati. Kalau tidak, kampung halaman akan tergadai.

Sekembalinya dari rumah Tok Gajah petang tadi Clifford berehat di perahunya. Petang tadi bukan majlis perundingan. Clifford hanya sekadar bersuaikal dengan Tok Gajah dan penduduk Pulau Tawar.

Suasana di balai raya cerah seperti siang. Sinar api pelita dan jamung yang dibawa oleh penduduk Pulau Tawar menerangi setiap inci sekitar balai raya. Tok Gajah, Imam Hamad, Pak Alang Kakap, dan Tok Muda Nong menghadap Clifford yang ditemani oleh sekumpulan soldadu Sikh.

"Imam Perang dan orang-orang Pahang perlu faham bahawa kehadiran British ke sini adalah untuk membawa kemakmuran dan kekayaan!" lancar sekal bicara Clifford.

"Kemakmuran macam mana yang Tuan Clifford maksudkan?" Tok Gajah bersuara.

"Ya, British dapat menanam modal, berniaga, dan membeli tanah orang-orang Melayu Pahang. Orang Melayu Pahang dapat keuntungan. Itulah kemakmuran yang aku maksudkan!"

"Kalau harta dan hasil mahsul negeri kami tuar telah kikis dan bawa balik ke negeri tuan, adakah itu dinamakan kemakmuran!" Tok Gajah mula menyingka.

"Ya, betul kata Imam. Kalau kampung kami tergadai, di mana kami hendak tinggal?" celah Imam Pak Alang Kakap.

Orang-orang luar mulai bising. Nampaknya perbincangan itu mencecah ketegangan. Ada yang bersunggu mahu saja membunuh orang Inggeris itu. Mendengasahaja perkataan bunuh dan jeritan di luar, soldadu Sikh mula mengemaskan pegangan senapang di tangan masing-masing.

Tok Gajah bangun lalu mengisyaratkan kepada anak buahnya yang berada di luar supaya bertenang. Clifford nampak tenang tetapi di sebalik wajahnya itu tersimpul sedikit kerisauan.

"Begini Imam Perang, British bukan mengambil secara percuma. Tapi British akan tukarkan dengan wang emas. Orang Melayu Pahang akan menjadi kaya!" ujar Clifford dengan yakin.

"Kita jangan percaya, Imam. Ini adalah muslihat British. Kita jangan biarkan kampung kita tergadai dengan janji manis British ini!" kata Tok Muda Nong menentang keras.

"British akan menghina Islam dan adat budaya Melayu, Imam. Kita tidak boleh biarkan mereka menjajah kampung kita!" jelas Imam Hamad. Suaranya agak meninggi.

"Imam Perang perlu yakinkan orang-orang kampung tentang kemakmuran yang akan British berikan kepada mereka..." ujar Clifford dengan nada memujuk.

Tok Gajah agak tenang. Dia cuba mengambil nafas untuk menggulung perbincangannya dengan Clifford. Tok Gajah perlu menamatkan segera pertemuan itu. Api kemarahan sudah menjalar di kalangan anak-anak buahnya di luar balai raya. Sebagai pemimpin, Tok Gajah dapat bersabar dan membendung kemarahan yang sudah lama dirasainya.

"Begini saja, Tuan Clifford. Khabarkan kepada gabenor tuan bahawa orang-orang Melayu Pahang tidak mahu bekerjasama dengan British. Kami tidak mahu dijajah. Ini negeri kami, dan kami boleh bangunkan sendiri bumi Pahang ini. Kalau British tetap berdegil, padah akibatnya..." ujar Tok Gajah bersemangat.

"Ya..Ya! Ya! Hidup Melayu Pahang!" Orang ramai di luar mula berteriak penuh semangat. Clifford terkasima Begitu tinggi sekali semangat Orang Melayu Pahang.

Clifford tersenyum seolah-olah menyembunyikan kerisauan yang mula bersarang di benaknya. Soldadu Sikh mengelilingi Clifford sambil menggenggam senjata dengan erat. Peluru akan termuntah dari muncung senapang jika kemarahan meletus.

"Terima kasih, Imam Perang. Aku akan melaporkan nya kepada Sir Cecil Clementi secepat mungkin. Namun British tidak akan berputus asa. Bagaimana cara sekali pun, kami tetap mahu menjajah di sini!"

Clifford segera beredar keluar dari balai raya. Dia bergegas menuju ke jeti yang tidak berapa jauh dari situ. Malam itu juga, Clifford mudik menyusuri Sungai Pahang pulang ke Kuala Lipis.

"Bangsat orang putih, mereka ingat orang Melayu Pahang bodoh! Hendak menyerah bumi Pahang ini...!" bentak Tok Gajah sambil mengepal penumbuk. Dia mengetap bibir menahan marah.

"Ya, Imam. Kita perangi saja si bangsat itu!" sokong Pak Alang Kakap. Kawah kemarahannya mula menggelegak.

Orang ramai yang berkumpul di luar balai raya berteriak menyokong supaya Inggeris mesti ditentang. Jelas mereka mengerti akan maksud kehadiran Inggeris ke bumi Pahang.

Masing-masing sudah mencabut parang, seludang dan keris lalu menjulang ke udara. Hati mereka sudah membara dengan semangat ingin berjuang.

Malam itu debaran perjuangan mulai berombak di dada penduduk Pulau Tawar. Tok Gajah merasa bahawa kepimpinannya mula menongkah arus getir.

23 JUN 1888

**KHABARNYA** Gabenor Sir Cecil Clementi bersama-sama W.A. Pickering dan Frank Swettenham tiba di Pekan dari Singapura. Cecil Clementi menghadap Sultan Ahmad di Istana Pekan.

Cecil Clementi mahu menuntut ganti rugi daripada sultan akibat pembunuhan seorang Cina yang dianggap sebagai rakyat British. Gabenor itu cuba menyuntik jarum penjajahannya supaya Sultan Ahmad menerima seorang Residen British untuk membantu pentadbiran di bumi Pahang.

Keesokan harinya, Tok Gajah menerima sepucuk surat daripada Datuk Bahaman, Orang Kaya Semantan.

Imam, sahabatku,

Sejak akhir-akhir ini, hamba rasa tentu Imam faham bahawa ketenteraman bumi Pahang mulai terancam. Kehadiran si bangsat putih itu benar-benar menggugat agama dan adat istiadat Orang Melayu Pahang.

Hamba ingin menyampaikan pesanan kepada Imam akan perlengkapkan anak-anak buah kita dengan ilmu bermain senjata.

Kita mesti bersatu. Orang Semantan tetap akan bekerjasama dengan orang Pulau Tawar. British laknat itu mesti diperangi! Kepada Allah juga kita pohonkan perlindungan dan kemenangan.

Wasallam.

Sahabatmu,

Bahaman

Kuala Semantan

Tok Gajah memandang ke arah Sungai Pahang. Arus sungai itu masih mengalir tenang. Perahu dan sampan bertali arus ke hulu serta ke hilir dengan muatan yang sarat.

Tok Gajah membaca isi surat Datuk Bahaman itu sekali lagi. Dia mengetap bibir. Perasannya terpanggi untuk segera berjuang. Namun Tok Gajah tidak berhasrat untuk bertindak sekarang.

Aku mesti melengkapkan anak-anak buahku dengan ilmu peperangan. Pekerjaan ini tidak boleh terburu-buru. Padahal kesannya. Terima kasih Bahaman, getus Tok Gajah.

"Apa yang ayah fikirkan? Sejak tadi saya lihat ayah asyik membelek-belek surat itu?" tegur Mat Kilau setelah selesai mentelaah kitab.

Mat Kilau mendekati Tok Gajah. "Err.er., tidak ada apa-apa, nak. Ayah cuma memikirkan nasib orang-orang Melayu Pahang kelak," ujar Tok Gajah. Lamunannya tadi dipintas oleh teguran anaknya, Mat Kilau.

Mat Kilau yang baru pulang dari Kelantan setelah tamat pengajian pondoknya itu ingin benar mengikut perkembangan yang sedang berlaku di tanah airnya Pahang.

"Kaubaca surat daripada sahabat ayah ini," kata Tok Gajah sambil menyerahkan surat itu kepada Mat Kilau.

"Tentu kau maklum bahawa British sudah mula ber-tapak di tanah air kita. Perak, Singapura, Melaka, dan Selangor sudah diambilnya. Kini tiba pula giliran kita...!" sambung Tok Gajah dengan nada terharu bercampur geram.

"Ya, ayah. Semasa di Kelantan, saya ada mendengar berita ini. Orang Kuala Lipis yang datang berniaga di sana memberitahu saya. Khabarnya Kuala Lipis sudah dijadikan pusat pentadbiran British. Bedebah! Bangsat! Tak puas di negeri lain, bumi Pahang pula mahu dijajah!" bentak Mat Kilau.

"Dua bulan lepas, Clifford singgah di kampung kita.

"Apa tujuan mereka, ayah?" pintas Mat Kilau dengan cepat.

"Mereka ingin berniaga dengan penduduk Pulau Tawar dan membeli tanah di sini," ujar Tok Gajah.



... Bandar Kuala Lipis yang merupakan ibu negeri dan pusat pentadbiran British di Pahang kini pesat membangun. Bandar ini pernah menjadi sasaran serangan Pahlawan Melayu Pahang, Mat Kilau pada 10 April 1892



Pandangan Tok Gajah masih dilempar ke arah sungai. Dari tingkap rumah, pandangan Tok Gajah tertancap pada arus yang mengalir deras. Arus sungai itu akan menjadi saksi dan bukti sejarah tergetusnya perjuangan orang Melayu Pahang. Anak Pulau Tawar akan bangkit.

“Ayah tidak usah percaya dengan gula-gula Inggeris itu. Sebenarnya mereka nak ambil negeri kita secara tipu muslihat. Emas sebesar debu pun kita tidak akan dapat.”

“Ayah dan Pak Alang kau serta orang-orang kampung memang tidak percaya dengan cakap-cakap Inggeris itu,” kata Tok Gajah.

“Bagaimana kita akan membuat persediaan menghadapi si bedebah itu, ayah?” soal Mat Kilau. Darah mudanya mula menggelegak dengan semangat ingin berjuang.

“Bagaimana caranya?”

“Mulai malam esok, kita kumpulkan orang kampung secara bergilir-gilir belajar bermain senjata. Ayah akan serahkan tanggungjawab ini kepada kau, Mat,” cadang Tok Gajah.

“Insya-Allah, demi kemuliaan agama dan kedaulatan tanah air, akan saya laksanakan tugas ini,” janji Mat Kilau.

Halaman rumah Mat Kilau terang-benderang dengan cahaya api jamung. Lepas isyak, penduduk Pulau Tawar terutamanya golongan muda mula memasang kuda-kuda berpancak dalam setiap serangan.

Mat Kilau dan Tok Gajah dibantu oleh Pak Alang Kakap, Nong Samah, dan beberapa orang pendekar lain gigih memperturunkan ilmu mempertahankan diri kepada penduduk Pulau Tawar.

Malam demi malam, kesungguhan mereka mempelajari ilmu bermain senjata mulai memuncak. Masing-masing ingin menambahkan ilmu di dada melalui tunjuk ajar Tok Gajah dan Mat Kilau.

Serang-menyerang, tangkis-menangkis, tumbuk-menumbuk, dan elak-mengelak serangan kian sebatian dan tangkas. Bunyi suara orang menikam dan menepis memecah kesepian malam. Anak-anak muda belasan tahun cuma memerhatikan dengan penuh takjub.

Tanggal 31 Disember 1889

PADA suatu malam, sewaktu selesai majlis tahlil di rumah Tok Gajah, kesemua penduduk Pulau Tawar berkumpul di halaman. Mat Kilau yang kelihatan segar dan gagah berdiri di samping Tok Gajah.

Setelah menyampaikan salam, Mat Kilau memulakan bicaranya.

"Pada hari ini, genaplah setahun kita belajar bermain senjata. Aku percaya tuan-tuan sudah masak dan bersedia bila-bila masa kalau dipanggil untuk mempertahankan tanah air kita daripada dijajah oleh si bedebah orang putih itu. Namun, aku ingin mengingatkan tuan-tuan bahawa jangan gunakan ilmu ini untuk bermusuhan sesama sendiri. Imam Perang Tok Gajah mahu kita bersatu padu mempertahankan bumi Pahang," ujar Mat Kilau bersemangat. Sekali-sekala dia menoleh ke arah ayahnya, Tok Gajah.

"Hidup! Hidup! Hidup Melayu Pahang!" tempik Mat Kilau.

Serentak dengan itu, ruang halaman rumah Mat Kilau bergema dengan suara teriakan yang penuh semangat. Tempikan hidup Melayu Pahang itu seakan-akan menggegarkan bumi Pulau Tawar.

Api jamung terus menyala, seolah-olah semangat yang menyala di setiap sanubari penduduk Pulau Tawar. Mereka sudah siap sedia.

Mat Kilau mengurut dada tanda syukur. Pandangannya bertembung dengan rona mata Tok Gajah. Masing-masing sudah menyimpul satu tekad. Bumi Pahang harus dipertahankan.

Mereka tidak akan berganjak walau seinci pun. Biar putih tulang jangan putih mata.



... Gambar Pahlawan Melayu Pahang, Mat Kilau yang dirakamkan pada 26 Disember 1969 dulu ...

## 15 DISEMBER 1891

**BERITA** Datuk Bahaman yang mentadbir Kuala Semantan berjaya menggempur Balai Polis Lubuk Terua menggemparkan orang Melayu Pahang. Berita itu heboh di seluruh pelosok negeri. Ini merupakan tamparan hebat ke atas pentadbiran British di Pahang.

Pemangku Pemungut Cukai di Mukim Semantan, C.E.M. Desborough diserang oleh Datuk Bahaman dan orang-orang Semantan. Pegawai Inggeris itu dan beberapa orang soldadu Sikh telah cedera.

Pemberontakan Datuk Bahaman menular hingga ke Raub dan Bentong. Stor barang-barang makanan milik British telah diceroboh.

Datuk Bahaman secara terang-terangan telah membantah dan tidak suka British mentadbir di bumi Pahang.

Mat Kilau tersenyum puas. Semangatnya mula berkobar-kobar untuk memerangi British. Dia membaca surat yang diutuskan oleh sahabat ayahnya, Datuk Bahaman sekali lagi. Surat itu berbunyi,

Imam Perang Indera Tok Gajah serta anakanda Pahlawan Muda Mat Kilau,

Hamba telah menunaikan tanggungjawab ke atas bumi Semantan. Setiap inci bumi Semantan tidak akan hamba biarkan benggali putih itu bertapak. Ayuh, Imam dan pahlawan muda! Mari kita bersatu menghala penjajah bedebah itu.

Hamba dan orang-orang Semantan akan mudik ke Pulau Tawar jika diperlukan. Hamba akan meneruskan perjuangan demi agama dan tanah air!

Wassalam.

Sahabatmu,  
Bahaman,  
Kuala Semantan.

Bukan main gembira dan bersemangatnya pahlawan muda Pulau Tawar itu setelah membaca warkah daripada Datuk Bahaman. Tangannya mengusap-usap hulu parang yang sedia tersisip di pinggangnya.

“Datuk Bahaman akan menyerang Lubuk Terua lagi. Saki-baki penjajah mesti dihapuskannya,” ujar Tok Gajah dari dalam rumah limas itu.

Tok Gajah baru saja mengenakan pakaian setelah selesai mandi di Sungai Pahang. Teh Mehada yang leka menganyam tikar pandan cuma mendengar perbualan Tok Gajah dan Mat Kilau.

Teh Mehada juga maklum bahawa sejak akhir-akhir ini negeri Pahang sering huru-hara. Huru-hara kerana angkara penjajah British. Sebagai insan yang lemah, Teh Mehada hanya berdoa supaya negeri tempat tumpah darahnya selamat daripada ancaman penjajah.

Sejak kebelakangan ini, Teh Mehada memerhatikan sikap dan pemikiran Mat Kilau bertambah matang. Dia sungguh gembira. Darah kepahlawanan suaminya, Tok Gajah, tumpah ke jiwa Mat Kilau. Teh Mehada berasa syukur.

Namun di dasar hati Teh Mehada tersembunyi perasaan bimbang. Manalah tahu keadaan huru-hara sejak akhir-akhir ini menuntut darah Mat Kilau. Teh Mehada sangat sayang akan Mat Kilau. Teh Mehada tidak mahu pahlawan muda itu gugur terlalu awal, dalam usia yang masih muda.

Namun itu adalah qada dan qadar Tuhan. Setiap insan sudah ditentukan oleh Tuhan. Teh Mehada percaya kepada qada dan qadar.

"Cepat siapkan minuman, Teh. Aku nak menghadap sultan," arahan Tok Gajah mematikan lamunan Teh Mehada.

"Bagaimana dengan sokongan daripada sultan, ayah?" tanya Mat Kilau.

"Entahlah. Setakat ini baginda menyetujui tindakan Datuk Bahaman menghalau British itu. Ayah pun tidak tahu, kalau-kalau baginda sendiri berubah fikiran jika keadaan tersepit," tukas Tok Gajah. "Kedudukan baginda kian tersepit. British sudah beri amaran!" sambung Tok Gajah.

"Khabarnya Panglima Muda Jempul dan Tok Raja sudah mengatur strategi untuk menyerang British!" kata Mat Kilau.

"Ya, Engku Muda Jempul sudah menyerang Pekan. Nampaknya serangan itu berhasil. Markas soldadu British di situ dapat ditawan," jelas Tok Gajah.

"Bila kita hendak menggerakkan orang-orang kita ke Budu? Khabarnya British sudah menempatkan soldadu di Budu dan Penjom. Orang-orang Budu cuma menunggu lampu hijau daripada kita, ayah," ujar Mat Kilau seolah-olah tidak sabar lagi.

Kejayaan Panglima Muda Jempul mengganas di Pekan serta pemusnahan balai polis di Lubuk Terua

oleh Datuk Bahaman membangkitkan semangat perjuangan pahlawan muda Pulau Tawar itu.

"Nanti dulu. Usah terburu-buru. Kita tunggu perkembangan Tok Raja di Kuala Lipis," balas Tok Gajah yang masih menggenggam kesabaran. "Lusa ada pertemuan antara pembesar-pembesar Pahang di istana. Ayah hendak dengar penjelasan daripada sultan tentang kehadiran British di negeri ini," sambung Tok Gajah.

Kedua-dua beranak itu menghirup kopi serta menjamah penganan pengat pisang. Dalam fikiran kedua-dua beranak itu sudah jelas dengan jawapannya. Bila-bila masa sahaja orang Melayu Pulau Tawar akan mengangkat senjata.

"Esok, ayah mahu kau berangkat ke Budu. Kumpulkan orang-orang kita di sana. Intip setiap pergerakan British dan cari kedudukan yang strategik, iaitu berhampiran Sungai Jelai!" arah Tok Gajah kepada Panglima Muda itu.

"Baik..baik, ayah."

"Lagi satu perkara, cepat kau hubungi orang-orang Tok Raja di Kuala Lipis dan tanya kedudukan mereka di sana," arah Tok Gajah lagi.

"Akan saya laksanakan tanggungjawab ini, ayah."

"Sampaikan salam ayah kepada orang-orang Budu. Teruskan perjuangan murni kita, orang-orang Melayu Pahang!"

Matahari kian condong ke arah barat. Suasana petang tenang. Angin semilir bertiup perlahan. Rimbunan daun-daun puding di halaman rumah bergerak-gerak dihembus angin.

Pahlawan Muda Pulau Tawar itu tidak sabar-sabar lagi untuk ke Budu. Esok dan hari-hari seterusnya perjuangan terus mekar dalam taman sanubarinya.

## 5 APRIL 1892

**BERITA** tentang pembunuhan pegawai British yang bernama Stewart dan Harris dari Syarikat Penjelajahan Pahang yang beroperasi di Sungai Duri telah menjadi buah mulut orang ramai.

Stewart dan Harris telah dibunuh oleh Panglima Muda Jempul. Oleh kerana terlampau marah, kepala Stewart telah dipancung oleh pengikut Panglima Muda Jempul.

Serentak dengan itu, pembesar-pembesar Pahang telah sepakat untuk berdiri di belakang perjuangan Datuk Bahaman dan Panglima Muda Jempul.

Pembunuhan Stewart dan Harris memberikan tamparan hebat kepada penjajahan British di Pahang. Residen British, J.P. Rodger menempatkan lebih banyak soldadu berbangsa Sikh, India, dan selebihnya orang Melayu sendiri di beberapa kawasan utama.

Usaha mengukuhkan pertahanan daripada serangan orang-orang Melayu Pahang telah dibuat ke atas balai polis di Kuala Lipis, Penjom, Temerloh, Chenor, Kuala Lipis, dan Pekan.



J.P. Rodger memperlengkap orang-orangnya dengan lebih banyak senapang dan ubat-ubat bedil. Pihak orang Melayu Pahang sendiri juga mempunyai beberapa pucuk senapang dan ubat bedil selain daripada keris, tombak, seludang, dan parang.

Kematian Stewart dan Harris telah menjadi kes yang berpanjangan. Inggeris menuduh Tok Gajah menjadi dalangnya. Keadaan ini menimbulkan lagi kekecohan. Mat Kilau yang menyusun strategi di Budu begitu marah, lebih-lebih lagi kepada juri Melayu yang bernama Tengku Mahmud yang telah mengendalikan kes itu tanpa memihak kepada keadilan.

Khabar tentang Mat Kilau di Budu akan bersekongkol dengan Tok Raja untuk menyerang Kuala Lipis sampai ke pengetahuan Sultan Ahmad yang bersemayam di Pulau Tawar.

Sultan Ahmad mengarahkan Haji Muhammad Nur ke Kuala Lipis untuk menegah Mat Kilau daripada menyerang Clifford.

"Aku dititahkan oleh sultan supaya menasihatkan kau supaya menangguhkan serangan ke atas Kuala Lipis," jelas Haji Muhammad Nur.

"Sudah terlewat, Tuan Haji. Kalau dibiarkan British bermaharajalela di sini, bumi Pahang ini akan tergadai. Di mana lagi kita dan cucu-cicit kita akan tinggal kelak?" jawab Mat Kilau.

"Setiap masalah ada jalan perundingannya. Kau memang bersemangat waja. Bagaimana kalau kau ikut aku ke istana untuk menghadap sultan. Sudah tentu sultan akan memberi jawatan pembesar untuk kau, Mat Kilau!" rayu Haji Muhammad Nur.

"Jawatan dan nama tidak ada dalam kamus hidup aku. Cuma yang ada di sanubariku adalah untuk

membela agama dan tanah air," balas Panglima Muda Pulau Tawar itu dengan penuh semangat.

"Kau menderhaka kepada sultan! Kau mementingkan perjuangan daripada titah sultan!" suara Haji Muhammad Nur kian keras.

"Soal menderhaka itu aku tidak peduli. Perjuangan aku adalah murni. Perjuanganku adalah untuk mengembalikan maruah orang Melayu dan menegakkan kedaulatan raja serta bumi Pahang," jelas Mat Kilau dengan bersemangat sekali.

"Hentikan perbuatan kau yang tidak menguntungkan ini. British kuat dan memiliki banyak senjata. Nanti tidak terlawan oleh kita. Banyak nyawa akan terkorban," nasihat Haji Muhammad Nur.

Haji Muhammad Nur terus merayu Mat Kilau supaya membatalkan sahaja serangan itu. Namun semangat juang Mat Kilau seteguh karang di lautan.

"Marilah kita pulang ke Pulau Tawar. British bukan lawan kita, Mat!" rayu Haji Muhammad Nur.

"Cis, itu kata-kata orang pengecut! Mat Kilau pantang berundur, walau puluhan ribu tentera British mara akan kugempur!" cabar Mat Kilau.

Haji Muhammad Nur menggeleng-gelengkan kepala. Dalam detik ini, fikiran Mat Kilau amat sukar dikuasainya. Pahlawan muda itu sudah membulat tekad. Kuala Lipis pasti diserangnya.

10 April 1892

MATAHARI bersinar terik mencecah ubun kepala. Namun angkatan yang dikepalai oleh Mat Kilau yang menyusuri jalan darat pesisir Sungai Jelai tidaklah merasa bahang kepanasannya. Pokok-pokok besar di sepanjang denai pesisir sungai itu melindungi mereka daripada terkena pancaran matahari yang terik.

Selepas subuh, orang-orang Budu yang bersiap-sedia dengan keris, tombak, seludang, dan parang mulai bergerak. Operasi pertama mereka adalah untuk mengganyang British.

Mat Aris Rofel dan Tok Muda Yusof, masing-masing membawa sepucuk senapang hentak. Kepintaran kedua-dua orang itu menembak dengan tepat memang diakui.

Angkatan Pahlawan Muda itu terdiri daripada kira-kira seratus orang. Di hati masing-masing tertanam suatu keazaman. Mereka ingin segera sampai ke Kuala Lipis.

Air Sungai Jelai terus mengalir tenang. Sepanjang perjalanan di pesisiran sungai itu, Mat Kilau cuma memerhatikan beberapa buah perahu Cina yang menghilir mengikut arus. Keadaan laluan sungai tidaklah begitu sibuk.



...Pangkalan lama di bandar Kuala Lipis. Pangkalan Sungai Jelai ini pada suatu ketika dahulu pernah berlaku pertempuran antara pasukan Mat Kilau dengan pihak British pada 10 April 1892 ...

Mat Kilau memilih jalan darat supaya dapat mengelak daripada diintip oleh pihak British. Banyak juga orang Melayu yang menjadi tali barut pihak British. Ganjaran dua tiga keping syiling emas telah meng-gadaikan martabat bangsa mereka.

Mat Kilau mengetap bibir menahan marah. Dia teringat akan peranan Haji Muhammad Nur dan Tengku Mahmud. Mereka berdua patut diperangi. Mereka bekerja untuk kepentingan British.

"Tok Ketua, kita telah hampir dengan bandar. Kirakira satu batu dari sini!" beritahun Mat Salleh yang menjadi perintis dalam angkatan itu.

"Baiklah. Kita berehat seketika untuk menyusun serangan. Kau dan Mat Aris Rofel, cuba intip bilangan pengawal yang berkubu di pintu masuk bandar," arah Mat Kilau kepada sahabatnya.

Haji Ahmad, Tok Muda Yusof, Haji Daud, dan beberapa orang ketua kumpulan operasi mengelilingi Mat Kilau untuk menyusun serangan.

"Tok Muda Yusof bersama aku, beserta dua puluh orang lain yang akan menyerang dari arah depan," cadang Mat Kilau.

"Tuan Haji bersama Haji Daud bawa dua puluh orang kita menyusur mengikut belakang bandar dan menyerang kubu Sikh yang berhampiran dengan Bukit Residen," arah Mat Kilau kepada Haji Ahmad.

Masing-masing akur dengan arahan Mat Kilau.

"Manakala Mat Salleh dan Mat Aris Rofel menyusur ikut tebing Sungai Jelai dan kawasan jeti. Bakar semua perahu yang ada di jeti itu!"

Seketika kemudian Mat Aris Rofel dan Mat Salleh muncul di hadapan mereka yang sedang mengatur strategi itu. Semua mata tertumpu ke arah kedua-dua orang itu.

"Bagaimana dengan kedudukan musuh?" tanya Mat Kilau.

"Memang tepat masanya untuk kita menyerang. Tok. Nampaknya pengawal Sikh tidak ada di dalam kubu dan keadaan bandar tenang. Musuh tengah leka, Tok Ketua!" lapor Mat Aris Rofel.

"Bagus, kita boleh bergerak sekarang. Ingat semua sahabatku. Kita mengamuk dan bakar semua kedai di sekitar pekan. Rampas barang-barang berharga, dan jangan cederakan wanita, orang tua, dan kanak-kanak. Ingat semua pesananku!" tegas Mat Kilau.

Matahari sudah condong ke barat. Namun sinarnya masih membahang. Angkatan Mat Kilau sudah menghampiri Kuala Lipis.

Sebagaimana yang dirancang, mereka berpecah mengikut ketua kumpulan operasi yang telah ditetapkan.

Suasana pekan Kuala Lipis tenang. Para peniaga yang kebanyakannya berbangsa Cina masih membuka perniagaan. Manakala pengawal Sikh yang berkawal di pintu masuk pekan kelihatan leka. Mereka asyik berbual sesama sendiri.

Mat Kilau dan Tok Muda Yusof serta orang-orang Budu sudah menghampiri kubu Sikh itu. Tok Muda Yusof mengangkat senapang hentak dan bersedia untuk membidik musuh.

"Serang! Serang! Serang!" teriak Mat Kilau.

Soldadu Sikh yang berada di dalam kubu itu terpampan. Peluru yang keluar dari senapang Tok Muda Yusof menembusi dada salah seorang pengawal Sikh. Mat Kilau sepiantas kilat melompat ke dalam kubu seraya menusuk kerisnya ke perut seorang lagi soldadu Sikh.

"Arghh...!" teriak seorang soldadu Sikh. Selang beberapa saat kemudian, nadinya terhenti.

Bagai kelkatu keluar dari busut, orang-orang Budu yang diketuai oleh Mat Kilau itu menggempur pekan Kuala Lipis. Bunyi tempik teriakan serang dan kata-kata semangat terbit dari bibir Mat Kilau. Serangan dibuat dari empat penjuru.

Dari arah jeti Sungai Jelai, asap mulai berkepul-kepul naik ke udara. Barangkali Mat Aris Rofel dan Mat Salleh sudah menemui sasarannya. Api juga sudah mula menjilat sederet kedai yang berbumbungkan atap nipah itu.

Bunyi suara teriakan orang ramai yang lari menyelamatkan diri jelas kedengaran. Beberapa das tembakan senapang Mat Aris Rofel kedengaran dari arah jeti.


"Serang dan bakar semua kedai! Jangan biarkan British cari makan di sini. Rampas semua harta mereka!" teriak Mat Kilau.

Keadaan sudah tidak dapat dikawal. Pekan Kuala Lipis ditawan oleh Mat Kilau dan orang-orang Budu. Sederet kedai musnah dimakan api. Perahu-perahu milik soldadu British turut musnah. Kayu dan papan yang masih menjadi arang dihanyutkan oleh arus Sungai Jelai.

"Ayuh, kita undur dahulu buat sementara. Bawa barang-barang rampasan kita," arah Mat Kilau.

Menjelang senja, pekan Kuala Lipis hangus dijilat api. Mayat tiga orang awam bergelimpangan di atas jalan. Senja itu disambut dengan tangisan penghuni kedai yang kehilangan harta yang berharga.

Clifford yang berkubu di Bukit Residen sekadar melihat peristiwa yang berlaku dengan perasaan dendam.



... Rumah Residen British di Pahang. Hugh Clifford masih teguh dan meninggalkan kesan bersejarah ke atas pahlawan Melayu Pahang. Rumah ini terletak di Bukit Residen, Kuala Lipis ...

Pahlawan Muda Mat Kilau berasa puas. Perjuangan buat julung kalinya membuahkan kejayaan. Malam itu juga, Mat Kilau dan orang-orang Budu berangkat pulang.

## **MELANCARKAN SERANGAN MENENTANG PENJAJAH**

KEJAYAAN pertama Mat Kilau dan orang-orangnya menggempur pekan Kuala Lipis begitu memberangsangkan semangat mereka untuk menentang British seterusnya. Senjata Mat Kilau dan pengikutnya masih belum puas meniat daging penjajah.

Pada 5 Mei 1892, orang-orang Mat Kilau bersedia untuk melancarkan serangan ke atas Raub. Rancangan Mat Kilau dihidu oleh British.

Letenan Reid dengan empat puluh orang soldadu Sikh dari Selangor diarahkan oleh Kolonel R.S.F. Walker agar menyekat kemaraan Mat Kilau ke Raub.

Belum pun sempat ke pekan Raub, Letenan Reid dan soldadu Sikh diserang oleh pengikut-pengikut Mat Kilau. Serang hendap orang-orang Budu membuahkan kejayaan. Letenan Reid berundur membawa soldadu yang cedera pulang ke markas.

Tindak-tanduk militan Mat Kilau dan pengikutnya mencabar pentadbiran British di Pahang Barat. British tidak menyangka bahawa Pahlawan Muda Pahang yang berusia lingkungan 26 tahun itu berjaya menarik banyak pengikut untuk menggempurnya.



Pada awal Jun 1892, J.P. Rodger mengeluarkan waran tangkap ke atas Panglima Muda Jempul dan Datuk Bahaman kerana tindakan mereka telah menggugat pentadbiran British di Pahang.

Pihak British juga mengarahkan Sultan Ahmad menangkap Tok Gajah. Tok Gajah didakwa memberi bantuan kepada Datuk Bahaman pada setiap kali berlaku pertempuran dengan British. Kebangkitan Mat Kilau juga telah dijadikan alasan oleh British untuk memberkas Tok Gajah.

Pada suatu pagi pertengahan Jun 1892, Tok Gajah dan Mat Kilau telah menemui Datuk Bahaman di sebuah pinggir hutan Kuala Semantan.

"Nampaknya kedudukan kita di sini tidak lagi selamat," ujar Datuk Bahaman.

"Ya, aku fikir demi keselamatan kau dan orang-orang Semantan, mari ikut aku ke Hulu Cheka. Kita boleh menyusun strategi baru untuk menyerang British," cadang Mat Kilau.

"Bagaimana, ayah setuju dengan rancangan saya!"

"Setuju benar. Nampaknya kita bertiga sudah menjadi buruan British bedebah tu," ujar Tok Gajah.

"Aku pun sudah lama memikirkan untuk bersatu menentang penjajah keparat itu!" tegas Datuk Bahaman dengan geram.

"Ayuh, malam ini juga kita mudik ke Hulu Cheka. Kita tidak perlu berlengah lagi sebelum British menyusun serangan balas," kata Mat Kilau.

Pada 23 Julai 1892, Mat Kilau yang dibantu oleh Datuk Bahaman serta orang-orang Budu dan Semantan menyerang Kuala Cheka. Kali ini Mat Kilau berhadapan dengan soldadu sikh yang diketuai oleh J.P. Rodger.

Pertempuran itu memakan masa selama lima jam. Akhirnya Mat Kilau dan Bahaman terpaksa mengundurkan pengikutnya dari medan pertempuran. Tekanan serangan yang begitu kuat dibantu oleh soldadu Sikh yang banyak serta kelengkapan senjata yang baik memaksa Pahlawan Muda itu berundur.

Mat Kilau dan Datuk Bahaman berundur ke Pulau Tawar. Tok Gajah membawa anggota keluarganya mudik ke Kuala Tembeling untuk menyelamatkan diri daripada buruan British.

Pada bulan Ogos 1892, Kolonel R.S.F. Walker dan R.W. Duff serta dibantu oleh Panglima Garang Yusoh telah melancarkan operasi memburu Mat Kilau, Tok Gajah, dan Datuk Bahaman.

Memandangkan Mat Kilau, Tok Gajah, dan Datuk Bahaman semakin kuat menentangnya, British mengeluarkan waran tangkap ke atas Pahlawan Melayu Pahang itu. Ganjaran wang akan diberi jika sesiapa berjaya memberkas ketiga-tiga orang perwira Melayu itu.

Pada 22 Ogos 1892, sekali lagi Pahlawan Muda Mat Kilau menggemparkan pentadbiran British. Serang hendap telah dilakukan oleh Mat Kilau dan Awang Nong beserta pengikut-pengikut mereka.

Ketika itu R.W. Duff dan Panglima Garang Yusoh serta soldadu Sikh menyusuri Sungai Tembeling.

“Serang! Serang! Benamkan mereka ke air. Jangan biarkan mereka rapat ke tebing!” arah Mat Kilau.

Tombak dan lembing terhunjam ke arah angkatan British. Keadaan menjadi kelim-kabut. Beberapa buah perahu musuh karam di air. Panglima Garang Yusoh yang pintar dan berpengalaman berjaya mengemudikan perahu membawa pegawai tentera British itu berundur.

"Kau pembelot bangsa dan tanah air, Yusoh! Suatu hari nanti kau akan kecundang di hujung keris ini!" teriak Mat Kilau setelah melihat tali barut orang putih itu lepas lari.

Serangan Panglima Muda Mat Kilau membuahkan kejayaan. Dua orang tentera peninjau musuh terbunuh. Seluruh kekuatan tentera British dikerahkan ke Kuala Tembeling.

Pada 27 Ogos 1892, Walker dan Wise tiba di Kuala Tembeling dengan satu pasukan soldadu Sikh yang ramai. Pihak British akan memerangi habis-habisan Mat Kilau, Tok Gajah, Bahaman, serta pengikut mereka.

Pada suatu malam ketika berkubu di dalam hutan yang berhampiran dengan Kuala Tembeling, ketiga-tiga orang perwira Melayu Pahang itu duduk berbincang.

Suasana di dalam kubu tempat mereka berlindung cerah dengan api jamung. Namun kawalan tetap dibuat oleh pengikut Mat Kilau kerana bimbang musuh menyerang balas.

"Nampaknya keadaan kian runcing. British sudah menciumi jejak kita," ujar Tok Gajah.

"Apa yang patut kita lakukan, Imam?" soal Datuk Bahaman.

"Kita berundur ke Hulu Tembeling. Kalau British masih menjejak kita, kita terpaksa mencari perlindungan di Kelantan dan Terengganu," cadang Tok Gajah.

"Ya, aku setuju kalau kita undur buat sementara. Berundur bukan bererti kita pengecut. Pantang anak Melayu Pahang dianggap pengecut. Insya-Allah, kita akan kembali!" sahut Mat Kilau penuh semangat. Perasaan marahnya masih membuak.

Kegelapan malam menyelimuti di hutan Kuala Tembeling. Suasana kian bingit dihujani suara cengkerik. Sekali-sekala ditusuk suara burung hantu.

Mat Kilau masih tidak meletakkan mata. Ilusinya bermain dalam kegelapan malam. Tok Gajah, Datuk Bahaman, dan ahli-ahli keluarga serta pengikut setia sudah meletakkan mata. Bunyi dengkur dan batuk silih berganti.

Esok tetap menjelma dan pasti menguntum kejayaan, getus Pahlawan Muda Pulau Tawar itu.

## **AKHIR OKTOBER 1892**

MAT KILAU, Tok Gajah, Datuk Bahaman, Teh Ibrahim, serta ahli keluarga mereka yang sebanyak dua belas orang itu melangkah sempadan Pahang menuju ke Hulu Kelantan.

Mat Kilau dan pengikutnya menetap di Kuala Ampul. Kedudukan Kuala Ampul dianggap strategik dan selamat daripada gangguan musuh.

Saki-baki pengikut Mat Kilau, Tok Gajah, dan Datuk Bahaman masih berjuang di Kuala Tembeling yang diketuai oleh Awang Nong. Dalam tempoh tersebut, Mat Kilau sering melakukan serang hendap ke atas British di Kuala Tembeling yang cuba mengesan kedudukan mereka.

British tidak berpuas hati. Clifford dengan bantuan pembelot orang Melayu Pahang dan Panglima Garang Yusoh terus menjejaki Mat Kilau.

Hampir setahun lebih, Mat Kilau dan pengikutnya menjadi sasaran buruan British. Kedudukan mereka di Kuala Ampul tidak lagi selamat.

“Ayah, kita pindah saja ke Terengganu, kalau-kalau dapat kita susun strategi di sana,” cadang Mat Kilau.

Kesemua mereka setuju dengan cadangan Pahlawan Muda itu.

Pada bulan Mei 1894, Mat Kilau dan pengikutnya berpindah ke Kuala Terengganu. Mat Kilau menetap di Seberang Engku Ngah.

Kehadiran mereka ke situ tidak diketahui oleh penduduk kampung berkenaan. Mereka menyamar seperti orang-orang biasa. Mereka tidak menampakkan sebarang sikap dan tindak-tanduk sebagai orang buruan British.

Setelah beberapa waktu menetap di Seberang Engku Ngah, Mat Kilau telah mendengar khabar bahawa seorang guru agama yang alim menetap di Paloh, bernama Tok Engku Saiyid.

Pada suatu hari, Mat Kilau berpeluang ke Paloh untuk menemui Tok Engku Saiyid. Sewaktu pertemuan mereka, Pahlawan Muda itu telah diberi perangsang dan telah diajar ilmu yang bermanfaat untuk menghadapi musuh.

"Engkau masih muda dan gagah. Bumi Pahang memanggil kau pulang. Baliklah dan teruskan 'fisa-bilillah' untuk memerangi British," nasihat Engku Saiyid.

Mendengar bicara orang tua alim itu, Mat Kilau terus menitiskan air mata gembira. Perjuangannya yang kini tumpul kini kembali tajam setelah diasah oleh ilmu dan perangsang Tok Engku Saiyid.

"Orang muda! Kau masih gagah dan belum tewas. Kembalilah ke Pahang. Aku percaya ilmu yang ada di dada akan membantu kau. Tuhan sentiasa bersama orang yang benar!"

Mat Kilau, Tok Gajah, Datuk Bahaman, Mat Kelubi dengan bantuan sebanyak seratus orang Besut dan Hulu Lebir melangkah sempadan Pahang menghilir ke Kuala Tembeling.

Menjelang fajar 14 Jun 1894, angkatan yang diketuai oleh Mat Kilau membuat serangan secara tiba-tiba di kubu kuat British Kuala Tembeling.

Serangan drastik angkatan Mat Kilau menggemparkan penduduk Kuala Tembeling pada waktu pagi.

Sebanyak lima orang soldadu Sikh yang berkawal di Kuala Tembeling terbunuh. Peristiwa serangan itu telah sampai ke pengetahuan Panglima Garang Yusoh di Pulau Tawar yang telah dilantik menjadi pentadbir di situ. Panglima Garang Yusoh begitu marah dan mencabar Mat Kilau.

Panglima Garang Yusoh dan orang-orangnya bergegas ke Kuala Tembeling. Serang balas pihak musuh yang dianggap pembelot itu benar-benar menyedihkan Mat Kilau, Tok Gajah, dan Datuk Bahaman.

Rakan seperjuangan Mat Kilau yang begitu akrab, iaitu Mat Kelubi dan tujuh orang yang lain telah terbunuh. Panglima Garang Yusoh berjaya menikam Mat Kelubi sewaktu di dalam perahu.

Apabila mendengar kubu kuat mereka digempur oleh Mat Kilau, pihak British mengarahkan Kapten Lyons, Kapten Talbot, dan Kolonel Walker dengan satu pasukan soldadu Sikh bergerak mara ke Kuala Tembeling.

Pada 29 Jun 1894, Mat Kilau dan pengikut-pengikutnya berkubu di Jeram Ampai.

"Ingatlah sahabatku! Ini adalah perjuangan sabil. Hidup dan mati kita di tangan Tuhan. Kita mesti bersihkan bumi Pahang daripada ancaman bedebah itu!" seru Mat Kilau.

Pertempuran pun meletus. Kedua-dua pasukan serang-menyerang. Bunyi peluru menggerutup mem-

belah hutan rimba Kuala Tembeling. Suara tempik semangat daripada Pahlawan Muda itu bergema berkali-kali. Manakala suara orang mengerang kesakitan akibat tubuh ditembusi peluru juga jelas kedengaran.



...Kubu Jeram Ampai merupakan satu-satunya pertahanan terakhir Mat Kilau menyerang British pada 29 Jun 1894 sebelum pahlawan ini berundur ke Kelantan dan Terengganu ...

Serangan daripada pihak Inggeris begitu kuat. Empat puluh orang-orang Melayu gugur syahid. Manakala Mat Kilau berjaya membunuh E. Wise dan empat orang soldadu Sikh.

Setelah beberapa jam bertempur, Mat Kilau mengarahkan Tok Gajah dan Datuk Bahaman mengundurkan pengikut mereka ke Lebir. Serangan British tidak dapat dipatahkan.

Pada ahir tahun 1894, Mat Kilau, Tok Gajah, dan Datuk Bahaman menghentikan operasi menentang British. Namun mereka tetap dijejaki oleh pihak musuh.





Tempat Yang Terlibat Dalam Pemberontakan Pahang

Mat Kilau, Tok Gajah, dan Datuk Bahaman telah berundur ke Kelantan dan Terengganu. Mereka menyamar sebagai orang biasa. Beberapa percubaan untuk menangkap ketiga-tiga orang pahlawan Melayu Pahang itu ternyata menemui kegagalan.

Hugh Clifford terus melancarkan gerakan memburu Mat Kilau, Tok Gajah, dan Datuk Bahaman hingga akhir tahun 1896.

Akhirnya pihak British mengisytiharkan Mat Kilau telah mati terbunuh. Pada 22 Oktober 1895, akhbar *Free Press* yang dicetak di Singapura melaporkan bahawa Pahlawan Muda Pulau Tawar itu mati terbunuh di Hulu Kelantan.

Spekulasi tentang Mat Kilau semakin ghairah diperkatakan oleh semua pihak. Ada yang pernah menemui Mat Kikau di Paloh, Kuala Berang, Kota Bharu, dan wilayah Selatan Thailand.

Namun kehidupan Mat Kilau sentiasa menjadi teka-teki semua pihak. Pahlawan Muda itu tidak pernah muncul dalam tempoh berkenaan untuk membuktikan diri di lembaran sejarah.

Sama ada Mat Kilau masih hidup atau meninggal dunia, belum terjawab.

## **26 DISEMBER 1969 EPILOG SEORANG PAHLAWAN MUDA**

MASYARAKAT di tanah air telah gempar dengan kemunculan seorang pahlawan Melayu yang bernama Mat Kilau.

Pahlawan Melayu kelahiran Pulau Tawar itu telah membuat suatu pengumuman terpenting tentang kehadirannya kembali setelah hampir 73 tahun menyembunyikan diri.

Demi mengelakkan daripada dijejaki British dan pengetahuan umum, Kat Kilau memakai beberapa gelaran nama seperti Mat Siam, Mat Dahan, Mat Dadu, dan Mat Din.

Muhammad bin Ibrahim ialah nama yang dinobatkan dalam kad pengenalanya.

Seluruh rakyat Malaysia khususnya di negeri Pahang Darul Makmur masih tertanya-tanya tentang munculnya pahlawan Pulau Tawar itu.

Atas kesedaran sejarah untuk membuktikan Mat Siam atau Mat Kilau sebenar, kerajaan negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Menyiasat Munculnya Mat Kilau pada 8 Januari 1970 yang dianggotai

oleh sejarawan tempatan dan pegawai kanan kerajaan.

Sekali lagi, Kampong Pulau Tawar menjadi fokus orang ramai. Pelawat datang dari jauh dan dekat untuk melihat dengan mata dan kepala sendiri wajah pahlawan terbilang itu.

Pihak media massa akhbar dan televisyen membuat liputan yang meluas tentang kemunculan kembali Mat Kilau.

Hasil siasatan jawatankuasa berkenaan, permainan teka-teki dan spekulasi tentang kehidupan pahlawan muda Mat Kilau akhirnya terjawab.

Sahlah, orang tua yang muncul di Kampong Pulau Tawar itu adalah pahlawan Melayu Pahang, Mat Kilau. Ternyata sekali kenyataan pihak British berhubung dengan kematian Mat Kilau adalah meleset.

Hasil siasatan telah membuktikan bahawa Mat Kilau mempunyai ketinggian yang sederhana, kakak, dan berkulit putih. Beliau juga mempunyai tanda 'buntat embun' di celah jari kaki kiri dan tahi lalat besar yang terletak di pelipis kanannya.

Selain daripada tanda-tanda sewaktu dilahirkan, pada tubuh Mat Kilau mempunyai kesan parut luka terkena peluru dan senjata tajam.

Siasatan jawatankuasa itu juga membuktikan bahawa Mat Kilau ialah 'Muhammad' anak kepada Tok Gajah, salah seorang pembesar Pahang yang bergelar Imam Perang Rasu. Ibunya bernama Teh Mehada bt Tok Kaut. Mat Kilau dilahirkan dalam lingkungan tahun 1866 atau 1867.

Menurut Sejarah Pahang dan cacatan yang dibuat oleh Hugh Clifford, W. Linchan dan Middlebrooke sendiri, pahlawan muda ini mula mengangkat senjata

menentang British pada 10 April 1892 dengan melakukan serangan pertama ke atas Kuala Lipis.

Bermula daripada masa berkenaan, Mat Kilau telah dianggap sebagai 'pemberontak' oleh pihak British. Beliau diburu oleh British sehingga tahun 1896.

Di kalangan tokoh nasionalisme Melayu Pahang period berkenaan, Mat Kilau lebih terkenal dengan kegagalannya. Semenjak tahun 1892, operasi menyerang hendap British banyak dilakukan oleh Mat Kilau.

Namun begitu, sejarah juga tidak melupakan jasa dan bakti Tok Gajah, Datuk Bahaman, Panglima Muda Jempul, Mat Kelubi, Awang Nong, Teh Ibrahim, dan beberapa orang perwira Melayu Pahang yang lain.

Setelah kira-kira tujuh bulan lamanya muncul di khalayak ramai, Mat Kilau telah menghembuskan nafasnya yang terakhir dalam lingkungan usia 122 tahun, pada 16 Ogos 1970.



... Setelah beberapa bulan mengisytiharkan dirinya, Mat Kilau terlantar sakit tua dengan ditemani oleh keluarganya yang terdekat ...



... Makam Pahlawan Melayu Pahang, Mat Kilau di  
Kampung Kedondong, Pulau Tawar, Jerantut ...

Nama Mat Kilau tetap mengharum dalam lembaran sejarah tanah air. Perumpamaan ada menyebut, 'Harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama'.